Lee Heng Yau (anak-anaknya di bawah umur yang bernama Tang Ping Quen dan Tan Pin Ren) dan yang lain lwn Norliza & Ahmad Management Sdn Bhd dan yang lain

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO B-02–2266–09 TAHUN 2012
RAUS SHARIF PMR, AZAHAR MOHAMED DAN ZAWAWI SALLEH HHMR
12 APRIL 2013

Prosedur Sivil — Bidang kuasa — Mahkamah Rayuan — Bidang kuasa inherens Mahkamah Rayuan untuk menyemak dan mengenepikan keputusannya sebelum ini — Sama ada berlaku pencabulan atau kemungkiran undang-undang bagi membenarkan Mahkamah Rayuan menyemak keputusannya — Sama ada Mahkamah Rayuan mahkamah tertinggi dan terakhir

Di Mahkamah Tinggi, perayu-perayu ('pemohon-pemohon') telah memfailkan saman dalam kamar bagi memohon relief-relief agar pemohon-pemohon Lee Heng Moy dan Lee Heng Yau yang merupakan penjaga ad litem, dibenarkan menjadi pengarah Syarikat Norliza & Ahmad Management Sdn Bhd dan Syarikat Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Peladang Gagasan Sdn Bhd ('syarikat-syarikat'); pemohon dibenarkan untuk meminta audit akaun dan pengurusan syarikat-syarikat sejak operasi sehinggalah tahun 2011, dalam masa 14 hari; bahawa pemohon dibenarkan meminta salinan hasil pendapatan syarikat-syarikat sejak operasi sehingga tahun 2011 kepada pihak Pacific Trustee Bhd. Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan pemohon-pemohon dengan kos. Terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi, pemohon-pemohon merayu kepada Mahkamah Rayuan. Rayuan pemohon-pemohon telah ditolak dengan kos. Melalui notis semakan ini ('lampiran 11a'), pemohon-pemohon memohon agar mahkamah ini ('korum kedua') menyemak semula dan mengenepikan keputusan Mahkamah Rayuan ('korum pertama') agar permohonan mereka dibenarkan. Dalam menyokong lampiran 11a, pemohon-pemohon menghujahkan bahawa Hakim Mahkamah Rayuan telah mencemarkan nama badan kehakiman dan melengah-lengahkan penyelesaian kes-kes. Pemohon-pemohon juga membangkitkan kesukaran untuk melantik peguam bagi mewakili mereka.

Diputuskan, membatalkan permohonan dengan kos RM5,000:

(1) Dalam sesuatu kes yang tidak mempunyai remedi alternatif, iaitu apabila Mahkamah Rayuan bertindak sebagai mahkamah tertinggi dan terakhir, Mahkamah Rayuan mempunyai bidang kuasa sedia ada untuk

menyemak, dan jika keadaan membenarkan, untuk mengenepikan keputusannya sebelum ini. Contohnya, apabila berlaku pencabulan atau kemungkiran undang-undang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kuasa sedia ada tersebut hanya boleh dibuat dengan berhati-hati dan dengan menggunakan budi bicara secara kehakiman (lihat perenggan 8).

(2) Kes ini bermula di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan bukanlah merupakan mahkamah tertinggi atau terakhir bagi kes pemohon-pemohon. Pemohon-pemohon masih boleh membuat rayuan terhadap keputusan korum pertama kepada Mahkamah Persekutuan yang merupakan mahkamah tertinggi dan terakhir kes pemohon-pemohon selepas mendapat kebenaran mahkamah tersebut. Memandangkan Mahkamah Persekutuan adalah mahkamah tertinggi dan terakhir untuk mendengar rayuan kes pemohon-pemohon, korum kedua tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar lampiran 11a (lihat perenggan 10 & 12).

[English summary

At the High Court, the appellants ('applicants') filed a summons in chambers to seek the reliefs that the applicants, Lee Heng Moy and Lee Heng Yau who were the guardian ad litem, allowed to be the directors of Syarikat Norliza & Ahmad Management Sdn Bhd and Syarikat Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Peladang Gagasan Sdn Bhd ('the companies'); the applicants were allowed to call for companies' accounts and management audit from the operation to the year 2011, within 14 days; that the applicants allowed to request for copy of the companies revenue since from the commencement of operation to 2011 to Pacific Trustee Bhd. The High Court dismissed the applicants' application with costs. Aggrieved by the High Court's decision, the applicants appealed to the Court of Appeal. The applicants' appeal was dismissed with costs. Through this notice of review ('encl 11a'), the applicants applied for this court ('the second coram') review and set aside the Court of Appeal ('the first coram') decision so that their application was allowed. In support of encl 11a, the applicants contended that the Court of Appeal judge had tarnished the judiciary's name and delayed the disposal of cases. The applicants also raised the difficulty to appoint counsel to represent them.

Held, striking out the application with costs of RM5,000:

(1) In a case where there was no alternative remedy, ie when the Court of Appeal acted as the apex and final court, the Court of Appeal has inherent jurisdiction to review, and if the situation allows, to set aside its prior decision. For instance, when there was violation or breach of law. However, the exercise of inherent jurisdiction can only be carried out carefully and with judicial discretion (see para 8).

(2) This case was commenced in the High Court and the Court of Appeal

was not the highest or the final court for the applicants' case. The applicants could still appeal against the first coram's decision to the Federal Court which was the apex and the final court for the applicants' case upon obtaining leave of the court. In light of the Federal Court being the highest and final court to hear the appeal of the applicants' case, the second coram did not have the jurisdiction to hear encl 11a (see para 10 & 12).]

Nota-nota

Untuk kes-kes megenai Mahkamah Rayuan, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan-perenggan 5786–5196.

Kes-kes yang dirujuk

Ahmadi bin Yahya v PP [2012] 6 MLJ 37; [2012] 7 CLJ 113, MR (dirujuk)

Harcharan Singh a/l Piara Singh v PP [2011] 6 MLJ 145, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 96(a), 97(1)

Rayuan daripada: Rayuan Sivil No MT3 (MT2)–22–180 Tahun 2003 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Lee Heng Moy bagi pihak pemohon.
Chong Choon Choy (CC Chong & Associates) bagi pihak responden.

Zawawi Salleh HMR:

PERMOHONAN

[1] Ini adalah permohonan pemohon-pemohon melalui notis semakan bertarikh 21 Januari 2013 (lampiran 11a) supaya mahkamah ini 'bolehlah semak semula membenarkan permohonan kami supaya kami boleh mendapat keadilan dan boleh mengelakkan permbaziran masa dan kos kami (lihat perenggan 12 lampiran 11a).

[2] Walaupun lampiran 11a tersebut nampaknya tidak secara jelas memohon supaya mahkamah ini ('korum kedua') menyemak dan mengenepikan keputusan mahkamah ini pada 16 Januari 2013 ('korum pertama') yang telah menolak rayuan perayu-perayu terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam bertarikh 12 September 2012, namun melihat kepada lampiran 11a tersebut secara keseluruhan adalah nyata

pemohon-pemohon tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh korum pertama dan memohon korum kedua menyemak dan mengenepikan keputusan korum pertama.

[3] Dalam afidavit sokongan lampiran 11a yang diikrarkan oleh Lee Heng Yau, Lee Heng Moy dan Kong Siew Keen yang difailkan pada 21 Januari 2013, alasan-alasan permohonan ini dibuat, antara lain, ialah seperti berikut:

> 4. Hakim Mahkamah Rayuan telah berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan nama atau mencemarkan nama Badan Kehakiman. (Rujuk muka surat 185 dan 365 Kod Etika Hakim 1994, seksyen 3(d), (e), (f)).
>
> 5. Hakim Mahkamah Rayuan kurang cekap atau kurang berusaha dan secara tanpa penjelasan yang munasabah melengah-lengahkan menyelesai kes-kes, memberi keputusan-keputusan dan menulis alasan-alasan penghakiman. (Rujuk muka surat 185 dan 365 Kod Etika Hakim 1994, seksyen 3(d), (e), (f)).

[4] Pemohon-pemohon juga membangkitkan kesukaran untuk melantik peguam bagi mewakili mereka. Mengikut pemohon-pemohon, '… tiada seorang peguam mahu mewakili pemohon-pemohon sedangkan pemohon-pemohon telah cuba sedaya upaya untuk mendapatkan khidmat guaman bagi mengendalikan kes pemohon-pemohon dan sepatutnya (mahkamah) memberikan kemenangan kes kepada pihak perayu memandangkan peguamcara defendan-defendan merupakan pakar undang-undang dan berupaya menunjukkan fakta-fakta material yang memihak mereka sekiranya ada'. (Lihat perenggan 12 lampiran 11a).

LATAR BELAKANG KES

[5] Bagi meletakkan permohonan ini dalam perspektif yang betul, adalah suai-manfaat sekiranya kami menyatakan secara ringkas latar belakang kes ini. Pemohon-pemohon telah memfailkan saman dalam kamar di Mahkamah Tinggi Shah Alam Selangor, memohon relief-relief yang berikut:

(a) Bahawa pemohon Lee Heng Moy dan Lee Heng Yau sebagai Penjaga Ad-Litem dibenarkan untuk menjadi director kepada Syarikat Norliza & Ahmad Management Sdn. Bhd. (no. Syarikat 226515-K) dan Syarikat Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Peladang Gagasan Sdn. Bhd. (No. Syarikat 412260-H)

(b) Bahawa pemohon dibenarkan untuk meminta Audit akaun dan management akaun Syarikat Norliza & Ahmad Management Sdn Bhd (No. Syarikat 226515-K) dan Syarikat Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Peladang Gagasan Sdn. Bhd. (No. Syarikat 412260-H) dalam masa 14 hari.

(c) Bahawa pemohon dibenarkan untuk meminta salinan audit akaun Syarikat Norliza & Ahmad Management Sdn. Bhd. (No. Syarikat

226515-K) dan Syarikat Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Peladang Gagasan Sdn. Bhd. (No. Syarikat 412260-H) sejak syarikat beroperasi sampai tahun 2011.

(d) Bahawa pemohon dibenarkan meminta salinan hasil pendapatan Syarikat Norliza & Ahmad Management Sdn. Bhd. (No. Syarikat 226515-K) dan Syarikat Pengurusan Ladang Kelapa Sawit Peladang Gagasan Sdn. Bhd. sejak syarikat beroperasi sampai tahun 2011 kepada pihak Pacific Trustee Berhad kerana pihak Pacific Trustee Berhad act *as stakeholder safeguarding the interests of its beneficiaries.*

(e) Apa-apa relif selanjutnya atau yang lain sebagaimana Mahkamah Yang Mulia ini anggap sesuai.

[6] Pada 12 September 2012, Mahkamah Tinggi Shah Alam telah menolak permohonan pemohon-pemohon dengan kos sebanyak RM2,000. Dalam alasan penghakiman bertulis bertarikh 12 September 2012, Mahkamah Tinggi memutuskan, antara lain, bahawa:

(a) pemohon-pemohon bukanlah pemegang saham dalam kedua-dua syarikat berkenaan. Justeru, mereka tidak mempunyai apa-apa hak untuk meminta sesalinan audit akun dan maklumat hasil pendapatan kedua-dua syarikat tersebut;

(b) pihak yang layak meminta dokumen tersebut ialah Pacific Trustee Bhd yang telah dilantik sebagai pentadbir harta pusaka si mati. Jika terdapatnya dokumen-dokumen berkenaan, dan tidak diserahkan kepada Pacific Trustee Bhd, maka terpulanglah kepada Pacific Trustee Bhd untuk mengambil tindakan susulan bagi mendapatkan dokumen-dokumen berkenaan dan bukannya pemohon-pemohon. Pemohon-pemohon tidak sepatutnya dibenarkan untuk campur tangan dalam urusan pentadbiran harta si mati apabila pentadbir harta pusaka telahpun dilantik; dan

(c) mahkamah tiada kuasa untuk memberi kebenaran kepada Lee Heng Moy dan Lee Heng Yau supaya dilantik menjadi pengarah kedua-dua syarikat tersebut. Prosedur pelantikan pengarah sesebuah syarikat adalah termaktub di dalam artikel dan memorandum syarikat itu sendiri. Pihak yang berhasrat untuk menjadi pengarah syarikat haruslah mengemukakan permohonan mereka kepada syarikat itu sendiri untuk pertimbangan lembaga pengarah syarikat berkenaan dan bukannya kepada mahkamah.
(Lihat ms 318–319 rekod rayuan tambahan).

[7] Terkilan dengan keputusan di atas, pemohon-pemohon telah merayu kepada Mahkamah Rayuan. Rayuan pemohon-pemohon telah didengar oleh Mahkamah Rayuan pada 16 Januari 2013. Setelah membaca rekod-rekod rayuan dan mendengar hujahan lisan perayu-perayu dan membaca hujahan

bertulis responden-responden, rayuan perayu-perayu telah ditolak dengan kos sebanyak RM5,000 dan deposit RM500 diperintahkan dibayar kepada perayu-perayu.

PENDEKATAN MAHKAMAH RAYUAN DALAM MENYEMAK KEPUTUSAN SENDIRI

[8] Pendekatan Mahkamah Rayuan dalam menyemak keputusan sendiri telah dijelaskan oleh kes *Ahmadi bin Yahya v Public Prosecutor* [2012] 6 MLJ 37; [2012] 7 CLJ 113 di mana diputuskan bahawa dalam sesuatu kes yang tidak ada remedi alternatif, iaitu apabila Mahkamah Rayuan bertindak sebagai mahkamah tertinggi dan terakhir, Mahkamah Rayuan adalah mempunyai bidang kuasa sedia ada untuk menyemak, dan jika keadaan membenarkan, untuk mengenepikan keputusannya sebelum ini, contohnya, apabila berlaku pencabulan atau kemungkiran undang-undang. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kuasa sedia ada tersebut hanya boleh dibuat dengan berhati-hati dan dengan menggunakan budi bicara secara kehakiman.

[9] Dalam kes *Harcharan Singh a/l Piara Singh v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 145, Mahkamah Persekutuan juga telah membuat keputusan yang mempunyai kesan yang sama. Mahkamah Persekutuan menjelaskan bahawa mahkamah tertinggi dan terakhir ('apex court') mesti dilengkapkan dengan bidang kuasa sedia ada untuk mendengar dan membuka semula keputusannya terdahulu dalam sesuatu kes yang sesuai untuk menghalang berlakunya ketidakadilan atau penyalahgunaan proses mahkamah.

[10] Dalam kes semasa, adalah tidak dipertikaikan bahawa kes ini bermula di Mahkamah Tinggi Shah Alam dan Mahkamah Rayuan bukanlah merupakan mahkamah tertinggi atau terakhir bagi kes pemohon-pemohon. Pemohon-pemohon masih boleh membuat rayuan terhadap keputusan korum pertama Mahkamah Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan yang merupakan mahkamah tertinggi dan terakhir kes pemohon-pemohon selepas mendapat kebenaran mahkamah tersebut. Seksyen 96(a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Disemak 1972) (Akta 91) memperuntukkan seperti berikut:

> 96. Syarat-syarat rayuan.
>
> Tertakluk kepada mana-mana kaedah yang mengawal selia prosiding Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan rayuan daripada Mahkamah Rayuan, sesuatu rayuan bolehlah dibuat daripada Mahkamah Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan dengan kebenaran Mahkamah Persekutuan —
>
> (a) daripada apa-apa penghakiman atau perintah Mahkamah Rayuan berkenaan dengan apa-apa kausa atau perkara sivil yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi pada menjalankan bidang kuasa asalnya yang melibatkan soal prinsip am yang

diputuskan buat pertama kali atau soal yang penting yang akan dihujahkan secara lanjut dan suatu keputusan Mahkamah Persekutuan akan memberi kebaikan kepada awam; atau

[11] Kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan pula diperuntukkan dalam s 97(1) Akta 91 seperti berikut:

97 Kebenaran untuk merayu

(1) Sesuatu permohonan di bawah seksyen 96 bagi kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Persekutuan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan yang dirayukan itu diberikan, atau dalam apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah.

[12] Memandangkan Mahkamah Persekutuan adalah mahkamah tertinggi dan terakhir untuk mendengar rayuan kes pemohon-pemohon, kami berpendapat bahawa korum kedua Mahkamah Rayuan tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar lampiran 11a ini. Alasan ini di atas adalah memadai bagi kami membatalkan lampiran 11a. Dengan ini, lampiran 11a dibatalkan dengan kos sebanyak RM5,000 dibayar oleh pemohon-pemohon kepada responden.

Permohonan dibatalkan dengan kos RM5,000.

Reported by Afiq Mohamad Noor